



**IBU PEJABAT POLIS
KONTINJEN SARAWAK
JALAN BADRUDDIN
93560 KUCHING
SARAWAK**

Telefon : 082-245522
Faks : 082-274053

'Komuniti Sejahtera, Komitmen Kami'

Rujukan : 143/8/4
Tarikh : 4hb Dis. 2015

Pengurus
ANGKASA Cawangan Sarawak
Lot 496 Tingkat 1 Seksyen 6 KTLD
No.19 Jalan Kulas
93400 KUCHING

Tuan,

**KUASA PENGESAHAN MAJIKAN DAN MENANDATANGANI
SURAT PENGAKUAN BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA**

Adalah saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian pihak tuan dengan merujuk kepada perkara berhubung di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai 01.01.2016, Unit Gaji, Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, kontinjen Sarawak akan melaksanakan penggunaan sistem bayaran gaji 1GFMAS. Dengan pelaksanaan sistem ini, semua jenis potongan koperasi akan dibuat melalui Biro Perkhidmatan Angkasa. Ini bermakna semua pinjaman dari koperasi, institusi kewangan dan pinjaman persendirian / peribadi serta mana-mana potongan gaji yang dibuat melalui potongan Angkasa dihendaki mengisi Surat Pengakuan Biro Perkhidmatan Angkasa iaitu Borang BPA 1/79 – Pindaan 2005 rujukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia : ANM(T) Sulit, 17/68 pt.1(25).

3. Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa Kuasa Pengesahan Majikan dan menandatangani Bahagian 3 Pengesahan Majikan Surat Pengakuan Biro Perkhidmatan Angkasa bagi Polis DiRaja Malaysia, kontinjen Sarawak adalah mengikut ketetapan seperti di bawah :-

3.1. Ketua Jabatan Pengurusan

- Menandatangani borang BPA bagi semua pegawai kanan polis, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam di bawah Jabatan Pengurusan serta seluruh Kontinjen Sarawak.

3.2. Ketua Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT)

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial

Ketua Jabatan Ketenteraman Awam / Ketua Trafik Negeri

Ketua Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS)

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK)

Ketua Cawangan Khas

- Menandatangani borang BPA bagi semua pegawai kanan polis, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam mengikut jabatan masing-masing. Perwakilan kuasa boleh diberikan kepada Timbalan Ketua Jabatan sekiranya tiada Ketua Jabatan.

RECEIVED

16 DEC 2015

ANGKASA CAWANGAN SARAWAK

3.3. **Komander Pasukan Gerakan Udara Pangkalan Kuching**

- Menandatangani borang BPA bagi semua pegawai kanan polis, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam yang bertugas di Unit Udara Pangkalan Kuching. Perwakilan kuasa boleh diberikan kepada Timbalan Komander sekiranya tiada Komander.

3.4. **Komander Pasukan Polis Marin Pangkalan Kuching**

- Menandatangani borang BPA bagi semua pegawai kanan polis, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam yang bertugas di Pangkalan Marin Kuching. perwakilan kuasa boleh diberikan kepada Timbalan Komander sekiranya tiada Komander.

3.5. **Semua Ketua Polis Daerah**

- Menandatangani borang BPA bagi semua pegawai kanan polis, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah masing-masing. Perwakilan kuasa boleh diberi kepada Pemangku Ketua Polis Daerah sahaja sekiranya tiada Ketua Polis Daerah.

4. Kuasa Pengesahan dan menandatangani Bahagian 3 Surat Pengakuan borang BPA 1/79 ini berkuatkuasa mulai **01.01.2016**. Sebarang penandatanganan yang tidak mengikut ketetapan yang dibenarkan hendaklah ditolak. Pihak tuan juga disarankan agar menghubungi Unit Gaji Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak sekiranya memerlukan pencerahan serta maklumat berhubung perkara ini.

Sekian. Terima kasih.


(**SAKARDI BIN TULOS**) ACP


Ketua Jabatan Strategik dan Teknologi (StaRT)

b.p: Pesuruhjaya Polis

Polis DiRaja Malaysia

KONTINJEN SARAWAK

Salinan kepada : Semua Ketua Jabatan
Semua Komander
Semua Ketua Polis Daerah
Pegawai Eksekutif Gaji



Registration No: 82488 2007071669

ISO 9001:2009